

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan tol di BKE, memandangkan rakyat yang berulang alik dari Kulim ke Pulau Pinang terpaksa mengeluarkan wang tol untuk bayaran 2 arah, ini membebankan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menjalankan beberapa kajian dan opsyen terbaik dalam pelbagai aspek bagi meringankan bebanan Kerajaan, pengguna lebuh raya dan syarikat konsesi. Ini bagi memastikan industri lebuh raya kekal relevan dan pada masa yang sama memberi keyakinan kepada pelabur dalam dan luar negara terhadap Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan di Lebuhraya Butterworth – Kulim (BKE) bagi meringankan bebanan pengguna dengan menangguhkan beberapa kenaikan kadar tol sejak tahun 2011 iaitu RM1.60 bagi kenderaan kelas 1 dan kadar tol ini telah dikekalkan sehingga Januari 2020. Sekiranya kadar tol dinaikkan seperti dijadual, kadar tol yang sepatutnya dibayar oleh pengguna adalah sebanyak RM1.80 bagi kenderaan kelas 1 dalam tempoh 2019 sehingga 2021. Kerajaan juga telah melaksanakan pengurangan kadar tol sebanyak 18% di Lebuhraya BKE berkuatkuasa pada 1 Februari 2020 melibatkan kenderaan kelas 1, 4 dan 5 yang mana selepas pengurangan, pengguna hanya perlu membayar sebanyak RM1.31 bagi kenderaan kelas 1.

Sekiranya lebuh raya ini dimansuhkan, Kerajaan bukan sahaja perlu menanggung kos bayaran pampasan yang tinggi kepada syarikat konsesi tetapi turut menanggung kos penyenggaraan selepas lebuh raya diambil alih. Ini akan memberi implikasi kewangan yang tinggi dan sebarang keputusan untuk memansuhkan tol di sesebuah lebuh raya memerlukan kajian terperinci dalam pelbagai aspek.

Dalam situasi ekonomi negara sekarang, sewajarnya sebarang peruntukan yang ada digunakan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menjaga kebajikan serta melestarikan kehidupan rakyat. Di samping itu,

Kerajaan juga menggalakkan syarikat konsesi mengemukakan cadangan penstrukturan lebuhraya di mana tiada kenaikan kadar tol sehingga tamat tempoh konsesi dan tidak melibatkan pampasan tunai daripada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.